

Teks Ucapan

**YBHG. PROFESOR DATUK DR. MOHD HARUN ABDULLAH
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**Majlis Perasmian
Bangunan Utama Pusat Persediaan Sains dan Teknologi**

**22 Mac 2017 (Rabu) | 10.00 pagi
Bangunan Utama Pusat Persediaan Sains dan Teknologi
Universiti Malaysia Sabah**

Terima kasih saudara pengacara majlis.
Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan
Salam Negaraku Malaysia,

Salutasi

- Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Sazmal Effendi Arshad
Pengarah Pusat Persediaan Sains & Teknologi
- Yang Berusaha Cik Kamisah Husin
Pengarah Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan

- Yang Berusaha Pn. Mariana Amin
Pengarah Urusan MTR Engineering

Pegawai-pegawai Utama dan Kanan Universiti,
para pensyarah, para pelajar, seterusnya para
hadirin yang dihormati sekalian.

Bersyukur kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini sempena Majlis Perasmian Bangunan Utama Pusat Persediaan Sains dan Teknologi. Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berusaha Professor Madya Dr. Sazmal kerana sudi untuk menjemput saya merasmikan bangunan baharu ini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin hadirat
sekalian**

Pada pagi yang bersejarah ini, saya ingin mengimbau kembali sejarah tujuh (7) tahun lalu iaitu pada tahun 2010. Waktu itu Pusat Persediaan Sains & Teknologi (PPST) atau lebih selesa dipanggil Program Asasi Sains baru saja diwujudkan dan memulakan pengambilan pelajar kohort pertama seramai 50 orang dari seluruh negeri Sabah dan masih lagi 'menumpang' di bangunan Fakulti Sains dan Sumber Alam (dulunya Sekolah Sains dan Teknologi) bagi menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan kekuatan 10 kakitangan.

Tahun demi tahun berlalu, pengambilan pelajar telah meningkat setiap sesi dan masalah kekurangan ruang mula memberikan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran. Bagi mempertingkatkan keselesaan dan kemudahan pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan pembinaan bangunan utama PPST ini dan kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada bulan Januari 2015 dan siap sepenuhnya pada bulan Februari 2017 dengan kos keseluruhan berjumlah kira-kira RM10 juta.

Hadirin hadirat dan para pelajar yang dikasihi sekalian,

Seiring dengan Pelan Strategik Universiti Malaysia Sabah 2013-2017, bangunan utama PPST ini secara tidak langsung akan mendukung Bidang Keberhasilan Utama Universiti yang pertama (1) iaitu “Mempertingkatkan Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran”.

Dengan keselesaan dan kemudahan yang telah disediakan, para pelajar seharusnya menggunakan peluang ini dengan menterjemahkan kepada peningkatan prestasi akademik bagi setiap semester. Pencapaian akademik amat penting bagi tahap asasi kerana ilmu yang diperolehi merupakan asas bagi mengikuti program-program prasiswazah selepas sahaja anda telah menghabiskan program ini nanti.

Para pensyarah pula perlu membantu pelajar-pelajar ini bukan sahaja dari segi pembelajaran, malah seharusnya memberi inspirasi dan memupuk minat mereka agar terus mendalami ilmu sains. Saya juga ingin mengingatkan para pelajar agar sentiasa bersyukur dengan peluang belajar di PPST yang telah diberikan lebih-lebih lagi dengan kelengkapan dan kemudahan yang serba baharu ini.

Anda semua merupakan sekumpulan pelajar yang bertuah kerana dapat mengikuti Program Asasi Sains di UMS berbanding dengan puluhan ribu calon yang telah memohon untuk mengikuti program ini. PPST amat bertuah kerana mempunyai bangunan tersendiri, yang tersergam indah dan mempunyai ciri-ciri berkonsepkan EcoCampus, sesuai dengan kelestarian alam sekitar.

Bangunan ini seharusnya memberi suntikan baru dan menaikkan lagi semangat warga PPST untuk bekerja lebih gigih dan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kecekapan tadbir urus serta mendukung segala visi UMS secara amnya.

Para pensyarah haruslah melaksanakan tugas mendidik pelajar-pelajar muda ini dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh seperti mengajar adik-adik sendiri kerana mereka inilah yang akan menjadi perintis para jurutera, doktor, saintis dan juga pensyarah pada masa hadapan.

Semaikan nilai-nilai murni dalam diri pelajar kerana ia dapat membentuk jati diri yang kuat dan sesuai dengan budaya kita. Kita mahu melahirkan pelajar yang bijak, bukan sahaja dalam pelajaran tetapi secara holistik dari sudut rohani dan jasmani. Selain itu, tingkatkan penyelidikan dan penerbitan kerana tugas pensyarah bukanlah hanya mengajar semata-mata. Jalinkan kerjasama dengan fakulti-fakulti yang berkaitan dan belajar daripada mentor-mentor yang lebih berpengalaman.

Saya yakin, PPST melalui Program Asasi Sains yang ditawarkan akan terus melahirkan pelajar-pelajar aliran sains yang cemerlang dan bersedia untuk melanjutkan pelajaran di peringkat prasiswazah dan seterusnya mengharumkan nama universiti ini pada masa akan datang. Semoga kewujudan PPST dapat dimanfaatkan oleh semua pihak terutama para pelajar dan warga universiti ini.

Sidang hadirin sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh ahli jawatankuasa kerana bertungkus-lumus menjayakan majlis pada hari ini. Diharapkan dengan kemudahan infrastruktur baharu yang disediakan, berkat kerjasama semua pihak, graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang berdasarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 yang ingin dilahirkan oleh negara akan menjadi kenyataan.

Saya juga berharap kita dapat merealisasikan hari esok menjadi lebih baik daripada hari ini.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Bangunan Utama Pusat Persediaan Sains & Teknologi, Universiti Malaysia Sabah.

Sekian,
Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.